

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Rabiulawwal / Rabiulakhir 1441 — November / Disember 2019

BIL: 17 / 2019

الاسلام سلام

ISLAM IS PEACE

Islam & Kedamaian

Program Ceramah Sampai
Ingam Siri 3 (CSI 3)

Kepentingan
Latihan

Program Cultivate A Knowledge Sharing Culture
“Fskm Coffee Talk Series III”

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Mu'allim Bin Mohd Bakri
Fakrulnizam Bin Jafri
Farhatun Atmam Binti Jamaluddin
Aishah Mahat
Dr. Ng Set Foong

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh dua atau siri ketujuhbelas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Islam dan Kedamaian*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Islam dan Kedamaian (3)
- ⇒ Program Ceramah Sampai Ingat Siri 3 (CSI 3) (6)
- ⇒ Kepentingan Latihan (8)
- ⇒ Program Cultivate A Knowledge Sharing Culture “Fskm Coffee Talk Series III” (10)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Islam dan Kedamaian

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS Uitm Kampus Seremban)



ISLAM IS PEACE

Ajaran Islam yang dibawakan oleh Nabi Muhammad SAW adalah untuk kesejahteraan sekalian alam. Sejarah telah membuktikan, bahawa zaman Jahiliyyah adalah zaman yang penuh dengan pelbagai kezaliman seperti pembunuhan, permusuhan dan keganasan. Sistem politik, ekonomi dan sosial masyarakat didapati tidak berfungsi dengan baik. Golongan lemah sentiasa ditindas dan golongan yang kuat terus menjadi kuat dan berkuasa. Peperangan dan pembunuhan berlaku secara berleluasa di sana sini. Anak-anak dibunuh dengan kejam tanpa peri-

kemanusiaan, golongan wanita dipermainkan dan diperalatkan.

Apabila hadirnya Islam yang dibawa oleh baginda Rasulullah SAW, kedamaian, kesejahteraan, kebahagiaan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat mampu dikembalikan. Persaudaraan dapat dieratkan, wanita-wanita telah diberikan kedudukan dan golongan lemah juga telah terbela. Inilah janji Allah yang terkandung dalam firmanNya dalam surah al-Anbiyaa ayat 107 yang bermaksud "**Dan tiadalah**

kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." Misi inilah yang telah diaplikasikan oleh Nabi Muhammad SAW semasa menyampaikan misi dakwah kepada Maharaja Rom seperti yang terkandung di dalam surat baginda yang berbunyi: "أَسْلَمْ تَسْلِمْ" iaitu yang bermaksud terimalah Islam nescaya kamu selamat dan sejahtera.

Islam adalah Agama berteraskan konsep penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT berpandukan ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Dasar utama yang diperjuangkan oleh Islam ialah mewujudkan kedamaian dan kesejahteraan kepada semua. Keganasan, permusuhan, pembunuhan dan perpecahan bukanlah dari ajaran Islam. Pengertian kalimah Islam itu sendiri sudah membawa makna penyerahan, kedamaian dan kesejahteraan abadi untuk sekalian alam.

Perkataan Islam berasal dari Bahasa Arab "أَسْلَمْ يُسْلِمُ إِسْلَامًا" yang bermaksud tunduk, patuh dan juga selamat, sejahtera serta damai. Nama Islam itu sendiri adalah diberi oleh Allah SWT, sepetimana firman-Nya dalam surah Ali-Imran ayat 85 yang bermaksud: "**Dan sesiapa yang mencari Agama selain Agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang yang rugi.**"

Al-Quran menjelaskan kepada kita bahawa para rasul dan Islam yang diperjuangkan tidak pernah sunyi daripada tentangan dan serangan musuh-musuhnya. Kitab-kitab suci termasuk Al-Quran diingkari serta diperburukkan dengan pelbagai label. Demikian juga dengan para rasul-Nya yang difitnah dengan pelbagai tuduhan seperti tukang sihir, tukang tilik, orang gila, pemecah masyarakat dan sebagainya. Perkara ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-nya dalam surah al-An'am ayat 112 yang bermaksud : "**Dan demikianlah kami jadikan bagi tiap-tiap jin itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengah yang lain kata-kata dusta yang indah-indah untuk memperdaya pendengarnya. Dan jika dikehendaki Tuhanmu, tentulah mereka tidak melakukannya. Maka biarkan mereka dan apa yang mereka ada-adakan itu.**"

Demikian juga Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 120 yang bermaksud: "**Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu).**"

Kalau demikianlah penegasan Allah SWT, maka tidak hairanlah apa yang

berlaku sekarang ini di mana kesucian Islam difitnah oleh musuh-musuh Islam dari pelbagai sudut. Islam dituduh sebagai panganas, mundur, kolot, jumud dan sebagainya. Lantaran itu, umat Islam hendaklah bersatu agar segala gejala ini mampu ditepis dan di tentang.

Adalah satu hakikat bahawa perpecahan ummah akan diambil kesempatan oleh musuh-musuh Islam untuk melemahkan Islam dan ummah. Sesungguhnya munculnya beberapa fitnah dan serangan terhadap Islam mutakhir ini adalah kerana runtuhnya perpaduan ummah. Oleh kerana itulah Allah SWT melarang keras terhadap segala elemen perpecahan. Ini selaras dengan amaran Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 103 yang bermaksud: ***“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (Agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai.”***

Oleh yang demikian, semua pihak di negara kita tanpa mengira fahaman, politik dan sebagainya agar bersatu padu atas satu matlamat perjuangan, iaitu untuk memelihara agama dan negara dari dicerobohi oleh musuh dari dalam dan luar negara. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 60 yang bermaksud :***“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap bersedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya.”***



Program Ceramah Sampai Ingat Siri 3 (CSI 3)

Oleh : Farhatun Atmam Binti Jamaluddin
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) Kampus Seremban telah mengambil inisiatif menganjurkan program CSI Siri 3 pada 16 Oktober 2019 bertempat di Dewan Kuliah TPSU 2, Pusat Kegiatan Pelajar, UiTM Kampus Seremban bagi memenuhi keperluan Week

Without Wall (WWW) UiTM Negeri Sembilan. Program ini adalah berbentuk ceramah pengukuhan yang melibatkan 105 orang pelajar semester 3 FSKM yang mengambil Kursus Asas Takaful (CTU242) dan turut membuka penyertaan kepada staf dan para pelajar bagi kursus lain.

Program ini bertujuan memberi

kefahaman yang jelas tentang pengurusan kewangan secara Islamik khususnya dalam takaful. Selain itu, ia juga bertujuan membudayakan tasawur Islam dalam kehidupan setiap muslim dan menyuburkan budaya cintakan ilmu dalam

kalangan pendengar.

Diharap agar program ini mampu menyuntik nilai positif serta pengurusan kewangan yang berhemah dalam melahirkan mahasiswa/i yang berjaya di dunia dan di akhirat.



Kepentingan Latihan

Oleh : Fakrulnizam Bin Jafri

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
Kampus Rembau)

Berlatih dengan sesuatu kemahiran yang relevan merupakan suatu aspek yang diperlukan dalam mengukur keupayaan dan pencapaian individu, kumpulan, organisasi dan negara. Latihan yang tepat dan baik bakal menyumbang kepada idea, kemahiran dan sikap kepada pembentukan negara bangsa yang berjaya dan unggul. Kebolehan seseorang pekerja akan diukur berpandukan kepada faktor tingkatan kemahiran yang mereka kuasai sama ada melibatkan peringkat rendah, sederhana atau tinggi. Pekerja di peringkat rendah akan diberi penumpuan latihan secara sepenuhnya manakala pekerja peringkat atas memerlukan sedikit "autonomi" atau kebebasan dalam membangunkan kemahiran mereka ke peringkat yang tertinggi.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka

Edisi Keempat mendefinisikan latihan sebagai pelajaran atau didikan untuk memahirkan, iaitu membiasakan yang cukup untuk menjalankan dan mengamalkan sendiri dalam bidang kerjaya. Oleh yang demikian, latihan merupakan suatu usaha yang teratur dalam pembelajaran dan pembangunan melalui ilmu pengetahuan, kemahiran fizikal dan mental serta sikap berdasarkan pengalaman yang diperoleh untuk meningkatkan prestasi pekerjaan dengan lebih berkesan. Pengaruh kejayaan sesuatu latihan ke atas pencapaian amat berkait rapat dengan kualiti ilmu, kemahiran yang relevan dan sikap positif yang digarap dan dipersembahkan oleh setiap individu, kumpulan dan organisasi.

Pemurnian konsep pencarian ilmu pengetahuan melalui faktor ilmu, Iman dan amal perlu dimurnikan oleh setiap individu



dan masyarakat dalam mencapai kejayaan dunia maupun di akhirat.

Kejayaan menghayati konsep latihan dan ilmu pengetahuan mampu memberikan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat dan negara melalui pembudayaan menuntut ilmu, kemahiran tinggi dan sikap terpuji serta dihormati. Ilmu pengetahuan dan latihan yang berkesan akan dapat mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi, sosial dan seterusnya mewujudkan masyarakat yang unggul.

Dari segi pendidikan, golongan pelajar dari peringkat terendah hingga tertinggi memerlukan latihan tepat dalam pencarian ilmu pengetahuan dalam mencipta peluang kemahiran unik tersendiri dan seterusnya mengamalkan kualiti tertentu dalam mencapai prestasi cemerlang dalam pencapaian yang diperolehi. Setiap umat Islam wajib menuntut ilmu serta menunjukkan kemahiran dan sikap terpuji dalam meyempurnakan sesuatu pekerjaan dengan prestasi yang cemerlang.

Latihan yang

dilaksanakan secara "istiqomah", sabar, gigih dan berterusan dituntut oleh setiap individu dalam masyarakat dan organisasi dalam mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Segala cabaran dan onak duri dalam mengharungi setiap pekerjaan yang mereka lakukan akan membawa hasil yang setimpal dan berbaloi. Misalnya, kemahiran berkomunikasi dengan menggunakan pendekatan yang tertib dan beradab membuktikan pelajar pada peringkat tertinggi memiliki kualiti yang dituntut dalam mewujudkan masyarakat yang memiliki minda dan perlakuan kelas pertama.

Dalam sektor pekerjaan pula, latihan yang relevan diperlukan dalam usaha melahirkan pekerja berprestasi cemerlang dan pemantapan kualiti kerja yang tidak sahaja bertumpu kepada satu kerja sahaja. Segala rintangan yang berada dihadapan akan dapat diselesaikan dengan jaya dan mantap hasil daripada kualiti latihan yang diperoleh dan diamalkan. Dari masa ke masa, para pekerja perlu terus mencari ilmu pengetahuan baharu agar

mereka tidak ketinggalan dan sentiasa berada terkehadapan dalam mengekal prestasi dan kualiti kerja berada pada tahap yang optima.

Semoga ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui latihan yang berterusan dan berkualiti menghasilkan kemahiran dan perlakuan yang disenangi dan dihormati oleh masyarakat dan mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.

Masak nasi berulam rebusan,

Makan bersama penuh sopan ,

Menuntut ilmu janganlah bosan,

Latihan berguna di masa depan.



Program Cultivate A Knowledge Sharing Culture

“Fskm Coffee Talk Series III”

Oleh : Aishah Mahat & Dr. Ng Set Foong

(Pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik Kampus Pasir Gudang)



Program Cultivate A Knowledge Sharing Culture “Fskm Coffee Talk Series III” anjuran Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah berlangsung pada 16 Oktober 2019, 23 Oktober 2019 dan 6 November 2019 yang lalu. Setiap sesi perkongsian diadakan selama dua jam iaitu bermula pada jam 2.00 petang dan berakhir pada 4.00 petang. Program ini adalah salah sebuah pengisian dalam Program Bicara Mingguan dan ia merupakan salah satu inisiatif Rektor UiTM Cawangan Johor bagi menggalakkan para pensyarah bergiat aktif dalam program perkongsian idea dan pandangan.

Pada sesi pertama iaitu pada 16 Oktober 2019, telah diadakan per-

kongsian Taklimat EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) oleh Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar selaku Fasilitator bagi Jawatankuasa EKSA FSKM. Beliau telah menerangkan konsep serta kaedah pelaksanaan EKSA secara umum. Kemudian diikuti perkongsian oleh En Ahmad Firdaus Yosman berkisar dengan topik “Geometry in Photography”. Fotografi merupakan aktiviti penghasilan imej bagi pelbagai tujuan termasuk perkahwinan, sukan dan landskap. Unsur-unsur geometri yang berlaku secara semulajadi ini boleh digunakan dalam fotografi untuk meningkatkan teknik penghasilan gambar yang lebih tepat serta memberi nilai yang lebih artistik. Seterusnya perkongsian oleh En Ahmad Faizal dengan tajuk “Digital Database :

Scopus or ISI Index?" Penceramah berkongsi tentang pencarian jurnal berindeks di pangkalan data serta kaedah menulis manuskrip agar dapat diterbitkan di jurnal yang berpangkalan di pangkalan digital yang diiktiraf serta H-indeks.

Pada 23 Oktober 2019 pula, telah berlangsung sesi kedua yang telah dimurnikan oleh Cik Foo Fong Yeng dan Dr. Ng Set Foong. Sesi ini bertumpu ke arah pengamalan EKSA yang dipraktikkan oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia UiTM Kampus Pasir Gudang. Ia meliputi konsep pengurusan persekitaran, budaya kerja serta nilai-nilai yang diamalkan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif, selesa dan selamat.

Seterusnya pada sesi terakhir iaitu pada 6 November 2019, seramai tiga orang pensyarah FSKM UiTM Pasir Gudang iaitu En Ahmad Khudzairi Khalid, En Ghazali Semil @ Ismail dan Pn Norbaiti Tukiman telah membentangkan idea dan pandangan berkenaan pelbagai maklumat. En Ahmad Khudzairi telah berkongsi maklumat berkenaan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) iaitu serba sedikit mengenai LPPSA, prosedur permohonan, mengira kelayakan pembiayaan LPPSA serta perbandingan antara pembiayaan bank dan LPPSA. Pn Norbaiti Tukiman pula membincangkan tajuk "Amazing About Data" di mana data sangat

penting dalam kehidupan seharian. Kepesatan dunia yang semakin membangun ini menyebabkan kapasiti data semakin besar sehingga melibatkan analisa yang begitu kompleks. Justeru para pengkaji perlu membuat penilaian data secara lebih tepat agar dapat membantu pihak-pihak yang terlibat untuk membuat keputusan. Seterusnya En Ghazali pula menerangkan tajuk "Ke Singapura menggunakan pengangkutan awam dari Johor Bahru". Beliau berpandangan bahawa jika ingin berjimat pergi ke Singapura, pengangkutan awam adalah pilihan yg tepat kerana jaringan dan jajaran pengangkutan di Singapura juga sangat efisien. Perjalanan perlu dirancang dengan sebaiknya supaya tidak bertembung waktu puncak bagi mengelakkan kesesakan di pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin serta di stesen-stesen hentian pengangkutan awam.

Kesimpulannya, program perkongsian ini wajar diteruskan pada setiap semester yang akan datang bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang ilmiah secara santai. Malahan, melalui program ini dapat melahirkan pensyarah-pensyarah dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik yang berdaya saing, memupuk budaya kerja agar lebih teratur, efisien dan seimbang dari aspek akademik, sosial, rohani dan jasmani.

